

Hubungan Antara Kepimpinan Instruksional Dengan Kesiediaan Guru Dalam Penggunaan E- Pembelajaran Dalam Proses PDP (*The Relationship Between Instructional Leadership and Teachers' Readiness in Using E-Learning in Teaching Learning Process*)

Malarvele Govindasamy¹, Jamalullaail Abdul Wahab^{1*}

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: lullail64@gmail.com

Received: 1 March 2024 | Accepted: 20 April 2024 | Published: 30 April 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.42>

Abstrak: Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua dan tahap kesiediaan guru dalam e-pembelajaran. Selain itu, kajian ini juga dilaksanakan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan kesiediaan guru sekolah menengah di daerah barat daya, P. Pinang. Kaedah tinjauan kajian dipilih berbentuk kuantitatif yang melibatkan sampel kajian seramai 190 orang guru dari 5 buah sekolah menengah di daerah barat daya, P. Pinang. Objektif kajian diperolehi dengan menganalisa data menggunakan perisian SPSS versi 25 dengan menjalankan analisis deskriptif dan analisis inferensi iaitu ANOVA sehala serta Korelasi Pearson. Hasil kajian ini menunjukkan amalan kepimpinan instruksional pengetua adalah tinggi (Min = 4.19; s.p.= 0.554). Tahap kesiediaan guru juga adalah sangat tinggi (Min= 4.22; s.p.= 0.926). Analisis inferensi ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan guru di daerah barat daya, P. Pinang ($p < 0.05$). Manakala, hasil ujian korelasi Pearson pula menunjukkan hubungan signifikan yang kuat antara tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan kesiediaan guru ($r = 0.522$). Pemimpin sekolah dapat meningkatkan kualiti pengajaran guru melalui amalan kepimpinan instruksional, seperti yang disokong oleh implikasi kajian ini. Dapatan menunjukkan bahawa guru sekolah rendah di daerah barat daya, P. Pinang memandang tinggi amalan kepimpinan instruksional guru besar. Kajian ini diharapkan dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang nilai tambah dan rujukan dalam bidang kepimpinan pendidikan di Malaysia, terutamanya berkaitan dengan kepimpinan instruksional secara langsung dan tidak langsung.

Kata Kunci: Kepimpinan Instruksional Pengetua, Kesiediaan Guru, E-Pembelajaran

Abstract: This study was conducted with the aim of identifying the level of instructional leadership practices of school principals and the readiness level of teachers in e-learning. Additionally, the study was carried out to determine the relationship between the level of instructional leadership practices of school principals and the readiness of secondary school teachers in the southwest district of Penang. The research employed a quantitative survey method involving a sample of 190 teachers from 5 secondary schools in the southwest district of Penang. The research objectives were achieved by analyzing data using SPSS version 25 software, conducting descriptive analysis, and inferential analysis, including one-way ANOVA and Pearson correlation analysis. The results of the study indicate that the instructional leadership practices of school principals are high (Mean = 4.19; SD = 0.554). The level of

teacher readiness is also very high (Mean = 4.22; SD = 0.926). The one-way ANOVA inferential analysis shows a significant relationship between the instructional leadership of school principals and teachers in the southwest district of Penang ($p < 0.05$). Meanwhile, the Pearson correlation test results indicate a strong significant relationship between the level of instructional leadership practices of school principals and teacher readiness ($r = 0.522$). School leaders can enhance the quality of teaching through instructional leadership practices, as supported by the implications of this study. The findings indicate that secondary school teachers in the southwest district of Penang hold a high regard for the instructional leadership practices of school principals. This study is expected to provide a deeper understanding of the added value and references in the field of educational leadership in Malaysia, especially in relation to both direct and indirect instructional leadership.

Keywords: Instructional Leadership, Teacher Readiness, E-Learning, School Principal

1. Pendahuluan

Kita dapat melihat perkembangan pesat dalam bidang pendidikan yang menjadi standard kejayaan sesebuah negara. Sesebuah negara dianggap berjaya dan maju jika tahap kualiti pendidikan di negara itu berada pada aras tinggi. Kian hari, perkembangan drastik dalam bidang ICT pendidikan semakin rancak. Penerapan ICT dalam pendidikan dalam proses P&P sentiasa dimestikan pada pelbagai tahap pendidikan. Anjakan kelima dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) menggariskan keinginan kerajaan adalah untuk membawa faedah penuh penggunaan ICT dalam usaha memperbanyakkan kualiti penyampaian dalam sistem pendidikan. Menurut Tengku Sarina Aini Tengku Kasim et al. (2022) kejayaan akademik dan nilai moral murid menjadi satu pencapaian wawasan yang wajib diperoleh dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) seperti yang ditentukan oleh bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Anjakan ketujuh PPPM 2013-2025 mewajibkan pengetua berprestasi tinggi di tugaskan di setiap sekolah di seluruh negara. Kepimpinan yang mantap di bawah penyeliaan guru-guru yang berkaliber dapat merealisasikan keberkesanan pendidikan e-pembelajaran di sekolah.

Perkembangan TMK dan telekomunikasi kini telah membawa misi baru dunia pdp komuniti pendidik (Siti Faizatul Akmal, 2011). Peranan pengetua jelas dinyatakan dalam Standard Kompetensi Pengetua Sekolah Malaysia (IAB, 2010) yang menjelaskan komitmen dan kewajiban pemimpin sekolah di Malaysia (Donnie Adams et al., 2018). Menurut Harris dan Jones (2015), kepimpinan dan pembangunan kepimpinan diberi kepentingan utama oleh pencipta polisi dalam ikhtiar memperoleh kecemerlangan pendidikan yang berkualiti pada aras yang tinggi. Ngang, Hussin dan Badrul (2015) yang menyatakan kepimpinan dan pengembangan kepimpinan dapat melahirkan modal insan yang unggul.

Selain kepimpinan pengetua dan guru besar yang memimipin guru, guru itu sendiri memainkan tanggungjawab yang amat besar dalam merealisasikan impian negara untuk menghasilkan murid yang berkaliber dan bertaraf antarabangsa. Guru perlu menjadi perintis utama dalam mengintegrasikan pelbagai sistem dan strategi yang termaktub dalam Pelan Transformasi Kerajaan tersebut (Tengku Sarina Aini et al., 2022). Seperjalanan dengan waktu, e-pembelajaran (*e-Learning*) dikategorikan sebagai kaedah pembelajaran sepanjang hidup malah diterima baik kewujudannya dalam kalangan komuniti sedunia (Hazwani Mohd Najib et al., 2017). Tetapi masih ramai guru kurang memanfaatkan ICT dalam e-pembelajaran dengan alasan bebanan tugas. Ramai juga guru melihat pembaharuan dalam pendidikan sebagai suatu

perkara yang menggerunkan. Menurut Siti Mardziah (2013), berpendapat ramai pendidik kurang mengaplikasikan TMK pendidikan dalam proses pdp.

Perubahan yang senantiasa berlaku dalam bidang pendidikan menyebabkan pengetua sekolah menghadapi cabaran dan di mana bersikap inovasi dalam perubahan yang berlaku dalam menentukan misi sekolah. Menurut Dayangku Rodzianah et al. (2021), cabaran untuk memikul tugas serta akauntabiliti seorang pengetua selaku pemimpin sekolah kian mencabar khususnya dalam era teknologi ini dan alam pendidikan akan kerap mengalami transformasi seiring dengan masalah, isu, perubahan, dasar dan keperluan rakyat. Maka, pengetua sebagai pemimpin sekolah haruslah membangun dan menerapkan praktik kepemimpinan instruksional yang sejajar dengan objektif organisasi sekolah agar visi dan misi sekolah dapat tercapai dengan efektif.

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan kesediaan guru sekolah menengah daerah barat daya P. Pinang. Daripada kajian ini, terdapat 3 objektif kajian telah digariskan iaitu mengenalpasti tahap amalan kepimpinan instruksional dalam kalangan guru besar di sekolah menengah daerah barat daya P. Pinang, untuk mengenalpasti tahap kesediaan guru melaksanakan e-pembelajaran di sekolah menengah di daerah barat daya P. Pinang dan untuk menganalisis hubungan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dan kesediaan guru dalam e-pembelajaran di sekolah menengah daerah barat daya P. Pinang.

- i. Apakah tahap amalan instruksional pengetua di sekolah menengah di daerah barat daya?
- ii. Apakah tahap kesediaan guru melaksanakan e-pembelajaran di sekolah menengah di daerah barat daya P. Pinang?
- iii. Adakah terdapat hubungan di antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dan kesediaan guru dalam e-pembelajaran di sekolah menengah daerah barat daya P. Pinang?

2. Kajian Literatur

2.1 Konsep Kepimpinan Instruksional

Kepimpinan instruksional guru besar dapat mengurus sesuatu situasi dan dapat melakukan perubahan dalam organisasi sekolah di takrifkan sebagai kepimpinan instruksional yang sangat berkesan (Dayangku Rodzianah et al., 2021). KPM menetapkan bahawa pengetua harus mempraktikkan kepimpinan instruksional dan tidak hanya mementingkan kepimpinan dalam pentadbiran sahaja. Dapatan kajian Rozila Mohd Yusof (2019) mengkaji kepimpinan instruksional pengetua dengan komitmen guru di sekolah berprestasi tinggi (SBT) mendapati tahap kepimpinan instruksional pengetua

2.2 Kesediaan Guru dalam e-pembelajaran

Menurut Azalinda Tajudin et al. (2018), pembangunan professional guru turut menjadi elemen penting dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 di sekolah. Menurut Nur Hawa Hanis Abdullah (2018), guru harus menjadi sebagai pemudahcara (facilitator) secara di mana guru harus mempunyai pengetahuan yang terkini. Adalah menjadi mustahak untuk guru sebagai pembimbing membina kemahiran TMK dalam e-pembelajaran demi kemenjadian murid. Asasnya, guru menjadi nadi pendidikan di mana guru itu sendiri harus bersedia dan menyediakan diri untuk menghadapi segala pembaharuan dalam sistem Pendidikan. Pendidik dialu-alukan memenuhi kelapangan yang dimiliki dengan memperhebatkan pengetahuan ICT bagi merealisasikan pendidikan yang berguna (Lailiyah & Cahyono, 2017). Guru yang mampu menguasai alam teknologi dapat merangsangkan otak murid untuk terus berfikir secara kritis dalam proses pendidikan. Seperjalanan dengan waktu, e-pembelajaran (*e-Learning*)

dikategorikan sebagai kaedah pembelajaran sepanjang hidup malah diterima baik kewujudannya dalam kalangan komuniti sedunia (Hazwani Mohd Najib et al., 2017).

Menurut Azalinda Tajudin et al. (2018), pembangunan professional guru turut menjadi elemen penting dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 di sekolah. Menurut Nur Hawa Hanis Abdullah (2018), guru harus menjadi sebagai pemudahcara (facilitator) secara di mana guru harus mempunyai pengetahuan yang terkini. Adalah menjadi mustahak untuk guru sebagai pembimbing membina kemahiran TMK dalam e-pembelajaran demi kemenjadian murid. Menurut Elyas (2018), pdp akan menjadi lebih efektif dan berkualiti apabila pendidik menggunakan aplikasi e-pembelajaran secara telus. Asasnya, guru menjadi nadi pendidikan di mana guru itu sendiri harus bersedia dan menyediakan diri untuk menghadapi segala pembaharuan dalam sistem Pendidikan.

2.3 Teori Kepimpinan Instruksional

Seorang pengetua tidak terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi memainkan peranan penting dalam penyediaan persekitaran yang unggul untuk menyampaikan pendidikan tanpa batasan. Menurut Mohd Hisham Surgi (2018), pihak pengetua harus sentiasa berkomunikasi dengan pendidik di bawah naungannya tentang misi dan visi pengajaran yang cemerlang dan pembangunan profesional yang berterusan. Menurut Flath (1989), tidak terdapat hanya satu definisi tentang kepimpinan instruksional ataupun panduan khusus berkaitan dengan peranan seorang pemimpin instruksional.

2.4 Model Hallinger 2011

Menurut Hallinger (2011) kepimpinan instruksional merujuk kepada segala tingkah laku pengetua yang dilaksanakan dengan tujuan memajukan dan menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah yang melibatkan guru, murid, ibu bapa, mperancangan sekolah, pengurusan sekolah, kemudahan sumber, dan budaya sekolah. Selain itu, kepimpinan instruksional merujuk kepada tiga dimensi iaitu pertama menentukan misi sekolah di mana terdapat dua fungsi dalam dimensi ini iaitu merangka matlamat sekolah dan menyampaikan matlamat sekolah. Dimensi kedua ialah menguruskan program pengajaran dengan tiga fungsi iaitu menyelia dan menilai pengajaran, menyelaras kurikulum, dan memantau kemajuan murid. Dimensi ketiga adalah mewujudkan iklim pembelajaran sekolah dengan lima fungsi iaitu mengawal waktu pengajaran, mengekalkan ketampakan, menyediakan insentif untuk guru, menggalakkan pembangunan profesional, dan menyediakan intensif untuk pengajar.


2.5 Model Proses Pendidikan Bryant 1974

Model proses Pendidikan Bryant 1974, melihat tiga aspek dalam melihat keberkesanan pelaksanaan dalam pendidikan iaitu input, gerak kerja dalam pengajaran dan sikap guru. Dimensi input merujuk kepada pengetahuan guru dalam pendidikan e-pembelajaran. Antara tiga faktor utama itu ialah faktor input, gerak kerja dalam pengajaran dan sikap. Faktor input ini merujuk kepada pengetahuan guru tentang pendidikan e-pembelajaran. Manakala faktor gerak kerja pengajaran merujuk kepada aspek kemahiran guru dalam pendidikan e-pembelajaran. Sikap guru terhadap pendidikan e-pembelajaran pula di kaitkan dengan faktor sikap didalam model ini. Pengkaji memberi fokus kepada tiga faktor utama dalam model ini iaitu faktor input, gerak kerja dan sikap untuk kajian ini. Tiga faktor ini dapat menentukan keberkesanan dan kejayaan sesuatu amalan pendidikan e-pembelajaran.

2.6 Hubungan Kepimpinan Instruksional dengan Kesediaan Guru

Satu kerangka konsep telah dibentuk berdasarkan Model amalan kepimpinan instruksional dan kesediaan guru yang dibincangkan di atas. Berdasarkan Rajah 1 di bawah, pemboleh ubah

bebas dalam kajian ini merujuk kepada amalan kepimpinan instruksional pengetua manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah kesediaan guru.



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian Model Kepimpinan Instruksional oleh Hallinger (2011) & Model Bryant (1974).

3. Metodologi

Penyelidikan ini mengaplikasikan rancangan penyelidikan tinjauan dengan pendekatan kuantitatif dengan menyebarkan kuesioner kepada guru-guru di sekolah menengah di wilayah barat daya, Pulau Pinang. Oleh itu, penyelidikan ini melibatkan populasi yang besar dan data dikumpulkan melalui sampel, menjadikan kaedah ini sebagai pilihan yang paling efisien untuk mendapatkan data dalam penyelidikan ini.

3.1 Populasi Dan Persempelan

Populasi yang dipilih terdiri dari guru-guru yang mengajar di lima buah sekolah menengah kebangsaan di daerah barat daya, Pulau Pinang. Dari populasi tersebut, terdapat 190 orang guru yang mengajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah barat daya, Pulau Pinang. Pemilihan sampel oleh pengkaji didasarkan pada definisi ini dan menggunakan persampelan rawak yang sesuai untuk kajian kuantitatif. Selain itu, pemilihan kaedah ini juga dapat mengurangkan kos pengurusan dan waktu pengkaji kerana kajian ini dilakukan pada populasi di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah barat daya, Pulau Pinang.

3.2 Instrumen Kajian

Untuk mengukur praktik kepemimpinan transformasional guru besar, kuesioner Leadership Practice Inventory 3rd Edition (LPI) yang dikembangkan oleh Kouzes dan Posner (2002) telah digunakan dalam kajian ini. Dalam proses tersebut, pengkaji membagi kuesioner yang digunakan menjadi tiga bagian, yaitu Bagian A yang berisi item pertanyaan terkait data demografi responden. Bagian B memuat 40 item pertanyaan yang terkait dengan praktik kepemimpinan instruksional kepala sekolah, sementara Bagian C berisi 30 item pertanyaan yang berkaitan dengan kesiapan guru dalam e-pembelajaran. Skala Likert lima poin digunakan dalam kuesioner ini dengan pernyataan Tidak Pernah Berlaku (s1), Jarang-jarang Berlaku (s2), Kadang-kadang Berlaku (s3), Kerap Berlaku (s4), dan Sangat Kerap Berlaku (s5).

4. Analisis Data

Seramai 190 orang responden telah mengambil bahagian di dalam kajian ini. Maklumat demografi responden dibentangkan dengan lebih terperinci seperti yang berikut. Jadual 1 melaporkan maklumat demografi responden yang terlibat di dalam kajian ini.

Jadual 1: Maklumat demografi responden

	Kekerapan (N)	Peratus (%)
Jantina		
Perempuan	101	53.2
Lelaki	89	46.8
Umur		
20 – 25 tahun	45	23.7
25 – 30 tahun	59	31.1
35 – 40 tahun	68	35.8
45 – 50 tahun	14	7.4
50 – 55 tahun	4	2.1
Pengalaman		
2 – 10 tahun	67	35.3
11 – 20 tahun	48	25.3
21 – 30 tahun	71	37.4
31 – 40 tahun	4	2.1

Jadual 1 di atas menunjukkan data statistik berkenaan dengan ciri-ciri responden, termasuk jantina, umur dan pengalaman. Setiap kategori dalam ciri-ciri tersebut dianalisis dengan menyertakan bilangan responden (N) dan peratusan keseluruhan (%).

Jadual 2: Dapatan Analisis Korelasi antara Pembolehubah

	F	Sig	t	df	Sig. (2 tailed)	Mean diff	Std. Error Diff
Mengtakrif			-1.266	190	0.207	-0.703	0.555
Mengurus			-1.524	190	0.129	-0.664	0.435
Menggalakkan			-1.416	190	0.158	-0.660	0.466

Berdasarkan analisis yang dijalankan mendapati bahawa nilai t bagi mengtakrif, $t(190) = -1.266$ ($p = 0.207$, $p > 0.05$), nilai t bagi mengurus, $t(190) = -1.524$ ($p = 0.129$, $p > 0.05$) dan menggalakkan $t(190) = -1.416$ ($p = 0.158$, $p > 0.05$). Secara keseluruhan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan amalan kepimpinan instruksional pengetua dan kesediaan guru dalam e-pembelajaran di sekolah menengah daerah barat daya Pulau Pinang dengan nilai signifikan melebihi 0.05. Ini bermaksud, hipotesis nol menyatakan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dan kesediaan guru dalam e-pembelajaran di sekolah menengah daerah barat Pulau Pinang adalah diterima.

5. Perbincangan

Kajian yang melibatkan seramai 190 orang guru di sekolah sekitar barat daya Pulau Pinang mendapati bahawa kajian mendapati bahawa tahap amalan instruksional pengetua di sekolah menengah di daerah barat Pulau Pinang adalah baik selari dengan tahap kesediaan guru melaksanakan e-pembelajaran di sekolah menengah. Kajian ini telah didominasi oleh guru – guru perempuan yang mana menyumbang peratusan tertinggi di dalam kajian berbanding guru lelaki. Bukan itu sahaja, kajian ini juga mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap amalan instruksional pengetua di sekolah menengah di daerah barat daya. Namun demikian, kajian turut mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan pada tahap kesediaan guru melaksanakan e-pembelajaran di sekolah menengah di daerah barat daya Pulau Pinang begitu juga dengan perbezaan amalan kepimpinan instruksional pengetua

dan kesediaan guru dalam e-pembelajaran di sekolah menengah daerah barat daya Pulau Pinang.

Hasil kajian mendapati bahawa terdapat korelasi yang signifikan antara amalan kepimpinan instruksional pengetua dan kesediaan guru dalam e-pembelajaran di sekolah menengah daerah barat daya Pulau Pinang. Hal ini membuktikan bahawa amalan kepimpinan instruksional memberikan pengaruh yang tinggi kepada kesediaan guru dalam melaksanakan e-pembelajaran di sekolah. Menurut kajian Hui dan Bishen Singh (2020) objektif utama sekolah berprestasi tinggi (SBT) dalam PPM adalah untuk mengekalkan tahap kualiti yang tinggi secara konsisten di semua sekolah ini. Justeru, gaya kepimpinan instruksional yang tepat. Sampel yang dikaji haruslah melibatkan lebih ramai peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat dan meluaskan lagi skop kajian yang sedia ada (Lim & Jamal, 2016; Ibrahim et al., 2015; Hallinger, 2011).

Kajian lanjutan adalah penting bagi meningkatkan lagi kualiti dan memperbaiki kelemahan yang dikenal pasti sepanjang kajian dijalankan. Melalui kajian lanjutan, lebih banyak maklumat dan inisiatif bagi menyelesaikan isu-isu yang berkaitan pelaksanaan kaedah pembelajaran dan kepimpinan guru terhadap kualiti pembelajaran di sekolah. Tujuan kajian lanjutan ini dilakukan adalah untuk memberikan justifikasi yang lebih jelas dan tepat terhadap dapatan dan membuktikan keupayaan skala instrument dalam mengukur tahap amalan kepimpinan dan kesediaan guru dalam melaksanakan e-pembelajaran. Selain itu, terdapat beberapa cadangan bagi menambah baik kajian pada masa akan datang antaranya meningkatkan jumlah sampel kajian bagi mendapatkan hasil dapatan yang lebih jelas dan tepat. Sampel yang dikaji haruslah melibatkan lebih ramai peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat dan meluaskan lagi skop kajian yang sedia ada. Selain daripada itu, beberapa faktor lain perlu dikaji dalam usaha mendapatkan hasil dapatan yang bermakna termasuklah persekitaran sekolah dan lokasi sekolah yang terletak di bandar atau di luar bandar. Dengan cara ini dapat memberikan input yang membolehkan kajian lanjutan yang lebih mendalam dilaksanakan di samping mengenal pasti jurang kajian lepas dan kajian ini untuk ditambah baik.

6. Kesimpulan

Tahap amalan instruksional pengetua di sekolah menengah di daerah barat daya Pulau Pinang menunjukkan tahap komitmen yang membanggakan daripada pengetua, yang mengutamakan penetapan matlamat akademik, pentadbiran kurikulum, dan pemantauan kerja pelajar. Dedikasi mereka untuk meningkatkan e-pembelajaran dan menghargai pendidik menunjukkan tahap pengabdian yang ketara. Sebaliknya, tahap kesediaan guru untuk melaksanakan e-pembelajaran di daerah yang sama menunjukkan tahap kesediaan yang ketara, disokong oleh kecekapan, kecenderungan yang menggalakkan, dan pengalaman terdahulu dengan teknologi pendidikan.

Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian terkini dalam konteks amalan kepimpinan instruksional di sekolah menengah di daerah barat daya Pulau Pinang telah menunjukkan perkembangan yang signifikan. Pengetua di sekolah-sekolah ini telah menunjukkan komitmen tinggi dalam kepimpinan instruksional, khususnya dalam aspek penetapan matlamat akademik, pengurusan kurikulum, dan pemantauan kerja pelajar, serta aktif dalam mempromosikan e-pembelajaran dan menghargai pendidik.

Secara keseluruhan, kajian kini menunjukkan kemajuan yang signifikan dalam aspek kepimpinan instruksional dan penerimaan e-pembelajaran di kalangan guru, yang

mencerminkan perubahan sikap dan peningkatan kemahiran dalam teknologi pendidikan. Ini berbanding dengan kajian lepas yang lebih menonjolkan cabaran dan ketidakpastian dalam adaptasi teknologi dalam pendidikan, serta kecenderungan untuk berpegang pada pendekatan pendidikan yang lebih konvensional. Perubahan ini menunjukkan adanya evolusi dalam pendekatan pendidikan dan kepimpinan di sekolah-sekolah di daerah tersebut.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor En. Jamalullail Abdul Wahab kerana memberikan sokongan dan bimbingan untuk melengkapkan kajian ini. Selain itu, ribuan terima kasih kepada semua responden termasuk pengetua sekolah dan semua guru (responden) yang terlibat.

Rujukan

- Ahmad Zaki (2015). Aplikasi e-pembelajaran untuk proses pembelajaran dan pengajaran Bahasa: Fungsi dan Kelebihan
- Ahmad, N. L., Sho, S. L., Ab Wahid, H., & Yusof, R. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 37-51.
- Aripin, M. A., & Bunyamin, M. A. H. (2020). Transformasi Pendidikan dalam Krisis Pandemik Covid-19. <https://malaysiagazette.com/2020/04/17/transformasi-pendidikan-dalam-krisis-pandemik-covid-19/>.
- Dayangku Rodzianah. (2021). Tahap Amalan Kepimpinan Instruksional Guru Besar dan hubungannya Dengan Tahap Komitmen Guru
- Donnie Adams et al. (2018). Penerokaan amalan kepimpinan instruksional di Malaysia.
- Elyas, A. H. (2018). Penggunaan model pembelajaran e-learning dalam meningkatkan kualitas pembelajaran. *Jurnal Warta*
- Hallinger, P., & Murphy, J. F. (1985). Assessing the instructional management behaviour of principals. *The Elementary School Journal*, 86(2), 217-247.
- Harris, A., Jones, M., Adams, D., & Cheah, K. (2018) Instructional leadership in Malaysia: A review of contemporary literature. *School Leadership & Management*, 1-20.
- Hazwani Mohd Najib et al. (2017). e-pembelajaran dalam kalangan pelajar di sebuah institut pengajian tinggi Selangor.
- Harris, A., Jones, M., Adams, D., & Cheah, K. (2018) Instructional leadership in Malaysia: A review of contemporary literature. *School Leadership & Management*, 1-20.
- Hui, L. S. & Bishen Singh, G. S. (2020). The Influence of Instructional Leadership on Learning Organisation At High Performing Primary Schools in Malaysia. *Asian Journal of University Education (AJUE)*. 16(2).
- Jaggil Apak et al. (2018). Pengaruh Kesiediaan Guru Terhadap Pengurusan Bilik Darjah Abad Ke-21
- Kalaimani, R., & Aida Hanim, A. H., (2020). Kepimpinan strategik dan hubungannya dengan kualiti pengajaran guru di sekolah kluster Tamil daerah Pasir Gudang. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2), 57-64.
- Krejcie, R. V. dan Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement* 30: 607-610.
- Lailiyah, C. (2017). Indonesian EFL teachers self efficiency towards technology integration and their use of technology in EFL teaching.
- Lim, S.H., & Jamal Nordin Yunus. (2016). Hubungan Kepimpinan Instruksional, Budaya Organisasi dan Organisasi Pembelajaran di Sekolah Berprestasi Tinggi Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 30(2), 1-1

- Mohd Ibrahim K. A, Mohammed Sani I, & Rosemawati M. (2015). Kompetensi kepemimpinan instruksional di kalangan pengetua sekolah: Satu kajian empirikal di Negeri Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(3), 1-14.
- Mohd Izham Mohd Hamzah et al. (2007). Tahap Kesediaan Guru Sains Dalam Penggunaan Teknologi Maklumat Berasaskan Komputer Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran.
- Noor Desiro Saidin et al. (2021). Google Classroom Sebagai Pelantar e-Pembelajaran: Tahap Pengetahuan Dan Tahap Kesediaan Guru-Guru Sekolah Menengah Luar Bandar
- Nur Hawa Hanis et al. (2018). Kesiapan guru melaksanakan kemahiran berfikir aras tinggi Dalam pengajaran.
- Omar, M. N. & Baba, S. (2016). Kepimpinan Instruksional Dalam Pelaksanaan Pendidikan Berasaskan Pengeluaran Di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Dan Institut Kemahiran Mara. *Educational Leader (Pemimpin Pendidikan)*. 4;39-49
- Rozila et al. (2019). Kepimpinan Instruksional Pengetua dan Hubungannya dengan Komitmen Guru di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) di Daerah Seremban
- Siti Faizzatul. (2011). Pengajaran dan e-pembelajaran berasaskan streaming video bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar abad ke-21.
- Siti Mardziah. (2013). Kesiapan guru sekolah menengah agama terhadap penggunaan teknologi Maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Siti Nurbaizura, C. A., & Nurfaradilla, M. N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui Pendekatan Home Based Learning (HBL) semasa Tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA: Journal of Malay Language*
- Surgi, M. H. (2018). Kepimpinan instruksional dan faktor kecemerlangan sekolah dalam memilih mempengaruhi ibu bapa menghantar anak ke sekolah menengah agama swasta, institut hafiz Kelang, Selangor.
- Tengku Sarina et al. (2016). Cabaran Guru dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui e-pembelajaran pendidikan Islam.
- TK Ngang et al. (2015). Hubungan kepimpinan etika, komitmen efektif dan etika kerja dalam organisasi.
- Wong, A. Y., & Khadijah Daud. (2017). Technology leadership in Malaysia's High Performance School. *Journal of Education and E-Learning Research*, 4(1), 8-14